

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI ISNIN, 21 OGOS 2006, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 50

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

1. PR-1133-L6571
Dato' Dr. Wan Hashim Bin Wan Teh [Gerik] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah jaminan Kerajaan bahawa kedua-dua Perkara 11 Perlembagaan Persekutuan mengenai kedudukan agama Islam serta Perkara 121(A) Perlembagaan Persekutuan mengenai kedudukan mahkamah syariah tidak akan dipinda dan perbahasan terbuka mengenainya patut dihentikan.
2. PR-1133-L5641
Dato' Raja Ahmad Zainuddin Bin Raja Haji Omar [Larut] minta **MENTERI TENAGA, AIR DAN KOMUNIKASI** menyatakan jumlah kerugian akibat aktiviti kecurian kabel telefon pada tahun 2004, 2005 dan tujuh bulan pertama pada tahun 2006 di negara ini serta apakah langkah pencegahan yang telah dan sedang diambil oleh pihak Telekom Malaysia.
3. PR-1133-L5594
Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur] minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan kedudukan terbaru Polis terhadap penubuhan IPCMC. Adakah Kerajaan akan membentangkan satu Rang Undang-undang penubuhan IPCMC untuk diluluskan dalam sidang Dewan Rakyat ini.
4. PR-1133-L6691
Tuan Razali Bin Haji Ibrahim [Muar] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapakah jumlah pegawai dagang (expatriate) yang kini bekerja di negara kita dan anggaran dana hasil pendapatan mereka yang telah di bawa keluar dari Malaysia pada 3 tahun yang lepas.

5. PR-1133-L6464
Dato' Goh Siow Huat [Rasah] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk mengadakan pusat insinerator di kawasan yang strategik di setiap daerah supaya sampah sarap tidak jadi ancaman kesihatan dan kehidupan rakyat.
6. PR-1133-L6589
Dato' Firdaus bin Harun [Rembau] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bilakah cadangan projek keretapi laju (Bullet Train) dari Kuala Lumpur ke Singapura akan dilaksanakan dan implikasi kepada negara serta kesan kepada pengangkutan awam yang lain.
7. PR-1133-L6179
Tuan Haji Fadillah Bin Yusof [Petra Jaya] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah perkembangan kemajuan kajian ke atas wabak HFMD yang telah dilakukan oleh UNIMAS dan memandangkan gelombang kedua wabak ini sedang melanda Sarawak di mana telah mengorbankan seorang lagi bayi berumur tujuh bulan apakah usaha aktif Kerajaan dalam menangani permasalahan ini dan adakah kemungkinan penemuan imunisasi untuk wabak ini ditemui dalam masa terdekat.
8. PR-1133-L6108
Dato' Lim Bee Kau [Padang Serai] minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan betapa seriusnya masalah disiplin terutama sekali masalah buli di sekolah dan apakah langkah-langkah yang diambil untuk mengatasinya.
9. PR-1133-L5812
Tuan Haji Baharum Bin Mohamed [Sekijang] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan apakah langkah-langkah yang boleh diambil oleh Kementerian untuk membantu nelayan Sungai Muar yang terdapat di Daerah Segamat yang sering kali sungai tersebut ditabur racun/bahan toksik dan membunuh kehidupan di dalam sungai tersebut.
10. PR-1133-L5765
Dr. Muhamad Shahrum Bin Osman [Lipis] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh mana ancaman kumpulan ajaran sesat dan senaraikan nama kumpulan ajaran sesat yang masih aktif di negara ini.
11. PR-1133-L5636
Dato' Dr. Tan Kee Kwong [Segambut] minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan tentang masalah yang dihadapi pemandu-pemandu teksi di KLIA, bilakah perkara ini boleh diselesaikan.

12. PR-1133-L5611
Dato' Hasan Bin Malek [Kuala Pilah] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan sejauh mana penyelarasan operasi dalam soal pengeluaran gula bagi pasaran domestik dan apakah bentuk tindakan yang boleh diambil sekiranya pengusaha kilang gula hanya menumpukan kuota eksport sahaja.
13. PR-1133-L6726
Dr. Tan Seng Giaw [Kepong] minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan skim-skim termasuk pusat sukan di TARRC, Brickendonbury, London untuk mempertingkatkan prestasi sukan di negara ini. Apakah peruntukan kewangan dan garis panduan untuk skim-skim seumpamanya.
14. PR-1133-L5879
Dato' Yap Pian Hon [Serdang] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan :-
- (a) berapakah jumlah kes wabak denggi dan kes kematian wabak ini yang telah dicatat daripada Januari sehingga Julai 2006 di negeri Selangor mengikut kawasan pentadbiran Pihak Berkuasa Tempatan; dan
 - (b) sama ada "fogging" / penyemburan itu adalah berkesan untuk menghapuskan nyamuk Aedes. Jika tidak, apakah cara yang lebih berkesan untuk membanteras wabak itu.
15. PR-1133-L6465
Dato' Tan Lian Hoe [Bukit Gantang] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan sama ada pihak Kementerian akan mengkaji cadangan untuk mengetengahkan Wang Caruman Wanita (Women's Provident Fund) kepada pihak Kerajaan untuk dipertimbangkan.
16. PR-1133-L6485
Datuk Dr. Yee Moh Chai [Kota Kinabalu] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil untuk memastikan kebajikan dan keselamatan ahli bomba dalam menjalankan tugas mereka.
17. PR-1133-L6426
Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan status terkini penggubalan dan penyemakan sukatan pelajaran serta pelaksanaan dan pengajaran subjek 'Hubungan Etnik' di semua IPTA. Apakah pendekatan terbaru dalam merangka kandungan kursus supaya ianya tidak lagi menimbulkan pertikaian dan kontroversi.

18. PR-1133-L6705
Datin Seri Dr. Wan Azizah Binti Wan Ismail [Permatang Pauh] minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan :-
- (a) semenjak tahun 1997 hingga Jun 2006 berapakah jumlah kilang elektronik yang telah ditutup atau dikecilkan mengikut data setiap negeri dan berapakah jumlah pekerja yang tertekan dari penutupan ini; dan
 - (b) adakah pelabur-pelabur baru di dalam bidang ini dan berapakah peluang pekerjaan yang telah ditawarkan dalam jangka waktu tersebut.
19. PR-1133-L5598
Tuan Karpal Singh [Bukit Gelugor] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan apakah tindakan yang telah diambil berkaitan pergelutan yang melibatkan pelajar-pelajar UPM baru-baru ini. Adakah ianya benar bahawa 50 pelajar "pro-establishment" telah mengugut dan mengasari tujuh pelajar daripada Gerakan Pelajar Mahasiswa Maju UPM. Apakah sebab-sebab berlakunya pergelutan tersebut dan adakah laporan polis telah dibuat. Jika ya, sila maklumkan kepada Dewan status siasatan yang dijalankan sehingga kini.
20. PR-1133-L6853
Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching] minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan kadar bilangan polis dengan bilangan penduduk di setiap negeri di Malaysia dan apakah kadar yang dianggap mencapai piawaian antarabangsa.
21. PR-1133-L6376
Tuan Eric Enchin Majimbun [Sepanggar] minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan jumlah kes jenayah dan kes dadah dalam tempoh 5 tahun ini dan kesudahannya kepada mereka yang disabitkan kesalahan hukuman gantung. Bagaimana pula dengan pesalah yang telah disabitkan tetapi penghukuman belum dijalankan.
22. PR-1133-L6917
Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan apakah satu siasatan terperinci telah dijalankan berkenaan kejadian "assault" yang berlaku di Universiti Putra Malaysia di kalangan pelajar di mana satu rakaman video telah dirakam. Apakah punca dan tindakan yang akan diambil ke atas mereka yang terlibat.
23. PR-1133-L5963
Datuk Ismail Bin Abd. Mutalib [Maran] minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan buat masa ini berapakah jumlah sebenar penagih-penagih dadah di seluruh negara mengikut negeri-negeri dan berapakah jumlah penagih atau pengedar yang telah dijatuhkan hukuman mati di bawah Seksyen 39B Akta Dadah Merbahaya.

24. PR-1133-L6609
Tuan Mohd. Daud Bin Haji Tarihep [Kuala Selangor] minta **MENTERI TENAGA, AIR DAN KOMUNIKASI** menyatakan adakah Kementerian sedar bahawa kes kecurian kabel telefon berleluasa di seluruh negara terutama di kawasan Parlimen Kuala Selangor. Apakah rancangan Kementerian bagi menangani masalah ini dan adakah kaedah menanam kabel di bawah tanah boleh dilaksanakan.
25. PR-1133-L6283
Dato' Ghazali Bin Ibrahim [Padang Terap] minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan jumlah kekurangan guru-guru dalam mata pelajaran Matematik, Sains dan Bahasa Inggeris di negara kita. Apakah peranan Kementerian untuk mengatasi kekurangan tersebut.
26. PR-1133-L6545
Tuan Wong Nai Chee [Kota Melaka] minta **MENTERI TENAGA, AIR DAN KOMUNIKASI** menyatakan setakat manakah pihak Kerajaan berusaha membuat pelaburan dalam penyelidikan dan pembangunan atas penggunaan tenaga solar sebagai tenaga gantian supaya kita tidak terlalu bergantung kepada tenaga yang berasaskan hidrokarbon selama ini.
27. PR-1133-L5591
Dato' Razali Bin Ismail [Kuala Terengganu] minta **MENTERI PENERANGAN** menyatakan sejauh manakah rancangan penjenamaan semula RTM telah mencapai kejayaan memikat selera pelanggan, apakah usaha penambahbaikan untuk memastikan RTM berdaya saing dengan radio dan TV swasta.
28. PR-1133-L6233
Tuan Haji Abdul Fatah Bin Haji Harun [Rantau Panjang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapakah projek-projek Kerajaan Pusat yang terbengkalai mengikut negeri-negeri dalam RMK-8 serta jumlah kosnya. Apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementerian untuk mengatasinya.

PADA PERMULAAN URUSAN MESYUARAT
MENGEMUKAKAN RANG UNDANG-UNDANG KERAJAAN
UNTUK BACAAN KALI YANG PERTAMA

1. **Menteri Kewangan**

- * Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2006) 2006

2. **Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi**

- * Rang Undang-undang Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad (Peruntukan Khas) (Pindaan) 2006

3. **Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi**

- * Rang Undang-undang Suruhanjaya Koperasi Malaysia 2006

* Menandakan bahawa Rang Undang-undang ini akan dibawa pada semua peringkat pada mesyuarat ini.

ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL

- | | | | |
|----|----------------|--|-------------------------------|
| 1. | (D.R. 15/2006) | Rang Undang-undang Garis Pangkal Zon Maritim 2006 | Bacaan Kali Yang Kedua |
| 2. | (D.R. 14/2006) | Rang Undang-undang Ordinan No. 7 (Kuasa ² Perlu) Darurat (Pindaan) 2006 | “ |
| 3. | (D.R. 13/2006) | Rang Undang-undang Zon Ekonomi Eksklusif (Pindaan) 2006 | “ |
| 4. | (D.R. 26/2006) | Rang Undang-undang Kastam (Pindaan) 2006 | “ |
| 5. | (D.R. 22/2006) | Rang Undang-undang Penduduk dan Pembangunan Keluarga (Pindaan) 2006 | “ |
| 6. | (D.R. 24/2006) | Rang Undang-undang Taman Asuhan Kanak-kanak (Pindaan) 2006 | “ |
| 7. | (D.R. 25/2006) | Rang Undang-undang Pusat Jagaan (Pindaan) 2006 | “ |

8. PR-1133-U5614

Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya] akan mencadangkan:-

" Bahawa Dewan ini menyedari hakikat bahawa wujudnya kekeliruan tentang cadangan membina pusat latihan Sukan Prestasi Tinggi di London yang dijangka akan menelan berjuta-juta ringgit yang melibatkan wang pembayar cukai.

Dan menyedari hakikat bahawa sekolah di negara kita menjadi gedung yang terdekat, mudah dan berkesan, mengumpulkan anak-anak muda untuk menjalankan latihan sukan tetapi masih kekurangan kemudahan padang, dewan serbaguna dan peralatan yang sesuai untuk latihan sukan.

Maka dengan ini Dewan ini membuat ketetapan menengguhkan cadangan membina pusat latihan sukan di London dan bajet yang akan dicadangkan untuk pembinaan prasarana sukan di luar negeri itu digunakan untuk membina seberapa banyak padang dan dewan serbaguna sekolah dalam negara kita untuk tujuan pembangunan sukan menerusi sekolah-sekolah bagi merealisasikan tahap kegemilangan sukan negara dalam jangka masa panjang. "

9. PR-1133-U5617

Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya] akan mencadangkan:-

" Bahawa Dewan ini menyedari suatu pelan tindakan pragmatik untuk menggalak, memupuk persefahaman dan hubungan harmoni yang lebih erat di kalangan rakyat berbilang kaum perlu bermula dari sektor awam.

Bahawa Dewan ini mengambil keputusan untuk mendesak Kerajaan mengkaji semula kaedah dan sistem pengambilan kakitangan perkhidmatan awam supaya komposisi kaum di kalangan kakitangan Kerajaan mencerminkan komposisi kaum di negara ini dan sasaran pengambilan adalah juga untuk menggalakkan integrasi nasional di setiap agensi Kerajaan. "

10. PR-1133-U5623

Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya] akan mencadangkan:-

" Bahawa Dewan ini menyedari akan kewujudan SJK (Tamil) Ladang Seaport, Selangor sejak tahun 1950an yang telah memainkan peranan penting dalam pendidikan anak-anak muda.

Bahawa Dewan ini merakamkan keprihatinan di atas sekolah berkenaan yang masih terletak di atas tapak sementara, Jalan SS7/4, Kelana Jaya. Walaupun dikelilingi oleh bangunan rumah banglo mewah, sekolah berkenaan kini dalam keadaan daif dan serba kekurangan.

Bahawa Dewan ini merasa amat kesal dengan kegagalan pihak-pihak berkaitan melaksanakan perjanjian untuk pembinaan bangunan baru sekolah berkenaan di tapak tetap, Kampung Lindungan, PJS 6, Petaling Jaya.

Maka Dewan ini mengambil ketetapan agar agensi-agensi Kerajaan berkaitan dan pihak-pihak bertanggungjawab digesa mengambil tindakan segera memulakan pembinaan sekolah tersebut secepat mungkin. "

11. PR-1133-U5631

Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya] akan mencadangkan:-

" Bahawa Dewan ini mengambil keputusan untuk mendesak Kerajaan membuat perancangan segera untuk mempertingkatkan kesepaduan sistem pengangkutan awam dan memperkembangkan jaringan perkhidmatan LRT/ERL ke kawasan pertumbuhan pesat dalam usaha mengurangkan kesesakan di kawasan terlibat, termasuk kawasan Puchong, Bandar Sunway, USJ dan Subang Jaya. "

12. PR-1133-U5637

Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya] akan mencadangkan:-

" Bahawa Dewan ini mengambil iktibar tentang perlunya Pihak Berkuasa Tempatan mengambil alih tapak kawasan lapang untuk kegunaan rekreasi awam selepas sesuatu pemajuan perumahan disempurnakan.

Dan menyedari hakikat bahawa masih terdapat kawasan lapang yang belum diambil alih oleh Pihak Berkuasa Tempatan.

Maka dengan itu Dewan ini mengambil ketetapan menggesa Kerajaan meneliti dan menyiasat bagaimana tapak Taman Subang Ria, Lot 17394, Mukim Damansara diberi hak milik kepada pemaju. "

13. PR-1133-U5643

Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya] akan mencadangkan:-

" Bahawa Dewan ini melahirkan rasa penuh keyakinan dan pengiktirafan ke atas prestasi baik yang ditunjukkan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), iaitu satu jabatan yang telah ditubuhkan untuk mengurus hal ehwal agama Islam, sebagai agama Persekutuan, seperti mana yang dikehendaki oleh Perlembagaan Persekutuan, menangani pelbagai masalah dan cabaran memajukan agama Islam di negara kita, termasuklah menangani ajaran sesat dan soal-soal akidah yang berkaitan.

Bahawa Dewan ini menyedari hakikat bahawa agama-agama yang dianuti oleh kira-kira 40% rakyat Malaysia yang bukan beragama Islam juga menghadapi pelbagai cabaran yang bersangkutan-paut dengan pemupukan akidah serta mengerjakan ibadat agama mereka.

Bahawa Dewan ini menerima baik pembelaan Kerajaan terhadap kebajikan kerohanian rakyat tanpa mengira kepercayaan dan agama, dan menerima hakikat bahawa kerohanian rakyat semakin tercabar dengan ledakan teknologi maklumat yang terlalu meluap-luap, di samping kewujudan anasir-anasir yang menjatuhkan moral dan akhlak rakyat; Bahawa Dewan ini menyahut dan menyokong seruan YAB Perdana Menteri, bersama-sama membela rakyat dan membina rakyat Malaysia demi memantapkan usaha pembangunan modal insan negara kita.

Maka dengan ini Dewan ini membuat resolusi agar sebuah agensi Kerajaan ditubuhkan untuk mengurus hal ehwal agama-agama lain di negara kita. "

14. PR-1133-U5647

Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya] akan mencadangkan:-

" Bahawa Dewan ini merakamkan keprihatinan di atas kekeliruan sesetengah rakyat Malaysia yang berbilang kaum di atas kewujudan peraturan yang menghindar penganut agama tertentu menggunakan perkataan seperti Allah, Iman, Wahyu, Rasul, Al-kitab, Doa, Nabi, Injil, Firman, Syukur, Imam dan sebagainya;Maka dengan ini Dewan ini membuat resolusi meminta Kerajaan menghapuskan kekeliruan tersebut sekaligus memastikan kebebasan beragama terus terpelihara . "

15. PR-1133-U5695

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] akan mencadangkan:-

" Bahawa Dewan ini mengutuk tindakan melampau Israel melakukan serangan-serangan ketenteraan ke atas sasaran-sasaran awam di Wilayah Palestin dan Lubnan yang menyebabkan kematian ratusan rakyat tidak berdosa dan menggesa Malaysia mempengaruhi PBB dan negara sekutu Israel menghentikan serangan dan provokasi Israel ke atas rakyat negara-negara Palestin dan Lubnan untuk membawa mereka ke meja rundingan sesuai dengan peranan Malaysia sebagai ketua NAM dan OIC bagi menyekat lebih banyak pertumpahan darah. "

16. PR-1133-U5696

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] akan mencadangkan:-

" Bahawa Dewan ini menggesa PDRM, DBKL dan agensi lain termasuk masyarakat memperhebatkan gerakan membasmi kegiatan "mat rempit" pada waktu malam sekitar ibu negara yang menjadikan jalan utama sebagai litar perlumbaan haram dan membasmi gejala sosial mereka yang lain dan menyalurkan mereka kepada kegiatan yang sihat. "

17. PR-1133-U5697

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] akan mencadangkan:-

" Bahawa Dewan ini membuat ketetapan menggesa Kerajaan memberhentikan amalan diskriminasi ke atas wakil rakyat pembangkang dengan mengadakan peruntukan khas tahunan untuk Ahli Parlimen Pembangkang, di bawah RMK-9, sebagaimana yang diterima oleh Ahli-ahli Parlimen BN, dengan tujuan untuk menyalurkannya kepada rakyat yang datang mengadu kepada Ahli Parlimen, dalam bentuk bantuan kebajikan, kecemasan, pendidikan permohonan projek kecil dalam kawasan parlimen masing-masing. Para pengadu merasa hampa bila aduan tidak dapat dilayan lantaran wakil rakyat pembangkang tiada peruntukan khas. Tindakan menyalurkan peruntukan khas itu kepada pertubuhan-pertubuhan lain yang bukan Ahli Parlimen dan tanpa persetujuannya adalah satu penafian hak ke atas wakil rakyat dan para pengundi yang diwakili. "

18. PR-1133-U5698

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] akan mencadangkan:-

" Bahawa Dewan ini membuat ketetapan menggesa Kerajaan memberikan kelulusan khas kepada pemohon-pemohon kewarganegaraan yang telah tinggal lama di Malaysia dan telah lama memohon kewarganegaraan tetapi ditolak atas sebab teknikal sahaja ataupun di dalam proses pertimbangan dengan syarat-syarat tertentu seperti ada sumbangan kepada negara dan tidak terbabit dalam jenayah."

19. PR-1133-U5734

Datuk Madius Bin Tangau [Tuaran] akan mencadangkan:-

" Bahawa Dewan ini menerima hakikat bahawa, ratusan batang jalan raya kawalseliaan Kerajaan negeri Sabah yang berada dalam keadaan yang buruk dan menerima hakikat bahawa Kerajaan Negeri Sabah yang tidak mengizinkan untuk menaik taraf jalan-jalan tersebut. Maka, ribuan kampung di negeri Sabah yang amat memerlukan perhubungan di antara kampung tersebut dengan Jalan utama. Maka, Dewan ini hendaklah membuat ketetapan meminta, Kerajaan Persekutuan khususnya Kementerian Kewangan, melalui Unit Perancang Ekonomi Jabatan Perdana Menteri dan Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah supaya mengambil langkah-langkah positif untuk mempertimbangkan permohonan Kerajaan Negeri Sabah untuk mendapatkan peruntukan yang mencukupi yang akan digunakan untuk menaik taraf Jalan-jalan Raya (JKR) Negeri di bawah program Jalan Luar Bandar (JALB). "

20. PR-1133-U5737

Datuk Madius Bin Tangau [Tuaran] akan mencadangkan:-

" Bahawa Dewan ini membuat ketetapan menolak penjelasan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, kononnya faktor utama penyebab pertumbuhan penduduk Sabah yang sungguh luar biasa (iaitu bertambah hampir 500% bagi tempoh tahun 1970 hingga tahun 2000), ialah pemberian kad-kad pengenalan dan surat beranak kepada penduduk asli di pedalaman yang dulunya tidak ada dokumen tersebut melalui khidmat bergerak Jabatan Pendaftaran Negara. Jawapan Setiausaha Parlimen Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri tersebut semasa menjawab ucapan Penangguhan oleh Yang Berhormat Tuaran pada Julai 2006 tidak mempunyai asas yang kukuh sebab, kalaulah faktor itu benar maka sepatutnya, penduduk Sarawak juga mengalami pertumbuhan penduduk yang luar biasa seperti Sabah.

Tetapi setakat tahun 2005, penduduk Sarawak sudah hampir satu juta orang ketinggalan dengan Sabah. Alasan yang sering diberikan kononnya penduduk Sabah terlalu subur berbanding dengan negeri-negeri lain juga tidak berasas sama sekali. Tidak ada fakta-fakta perangkaan kelahiran anak yang mendokong alasan tersebut. Oleh sebab itu maka, Kerajaan sebagai sebuah Kerajaan yang serius menegakkan integriti dalam pentadbirannya dan juga dalam kesemua urusan tadbir termasuklah dalam pentadbiran Jabatan Pendaftaran Negara dan Jabatan Imigresen. Maka Dewan Yang Mulia ini, hendaklah membuat ketetapan meminta Kerajaan Persekutuan Malaysia menubuhkan satu Siasatan diRaja untuk menyiasat bagaimana pertambahan penduduk yang luar biasa itu telah berlaku dan juga membuat cadangan-cadangan bagaimana memperbetulkan perangkaan kependudukan Malaysia khususnya di Sabah.

Dewan ini juga hendaklah membuat ketetapan menubuhkan satu Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Urus tadbir Kewarganegaraan."

21. PR-1133-U5739

Datuk Madius Bin Tangau [Tuaran] akan mencadangkan:-

" Bahawa Dewan ini hendaklah membuat ketetapan minta Kerajaan membuat penyiasatan dan seterusnya mengambil langkah-langkah penambahbaikan terhadap perbezaan harga getah yang dijual oleh para pekebun kecil di Sabah, Sarawak dan Semenanjung. Ketetapan ini perlu disegerakan untuk mengelakkan daripada adanya pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab memutarbelitkan perbezaan harga belian getah tersebut untuk kepentingan politik mereka. "

22. PR-1133-U5742

Datuk Madius Bin Tangau [Tuaran] akan mencadangkan:-

" Bahawa Dewan ini hendaklah membuat ketetapan untuk memastikan langkah-langkah pembudayaan, kecemerlangan di setiap institusi pendidikan bermula daripada Tadika/Tabika, ke sekolah rendah, ke sekolah menengah, sehinggalah ke Institusi Pengajian Tinggi. Dalam konteks ini, kepimpinan di setiap institusi tersebut khususnya kepimpinan yang berwibawa di kalangan Guru-guru Besar dan Pengetua-Pengetua memainkan peranan yang amat tinggi. "

23. PR-1133-U5744

Datuk Madius Bin Tangau [Tuaran] akan mencadangkan:-

" Bahawa Dewan ini membuat ketetapan supaya pihak Kerajaan Persekutuan memastikan agar setiap jalan kelolaan Majlis Daerah sentiasa diberi peruntukan yang mencukupi melalui peruntukan MARRIS. Dan pada masa yang sama pemantauan hendaklah dibuat dengan rapi agar penyelenggaraan jalan-jalan MARRIS dijalankan oleh syarikat pelaksana mengikut jadual. Dan mana-mana syarikat pelaksana yang gagal pihak Kerajaan Persekutuan hendaklah meminta pihak Kerajaan Negeri supaya pelaksanaan projek dijalankan dengan berwibawa, amanah dan jujur. "

24. PR-1133-U5746

Datuk Madius Bin Tangau [Tuaran] akan mencadangkan:-

" Bahawa Dewan ini hendaklah membuat ketetapan agar jaminan kebebasan beragama yang dilindungi oleh Perlembagaan Persekutuan hendaklah sentiasa dipelihara melalui pelaksanaan undang-undang yang tegas. Setiap tindakan oleh mana-mana pihak termasuklah Kerajaan-Kerajaan negeri yang melaksanakan program yang berunsur paksaan dan tekanan mengikut mana-mana agama dan kepercayaan hendaklah dihentikan sejajar dengan prinsip dan semangat Perlembagaan Persekutuan dan juga Rukun Negara. "

25. PR-1133-U5756

Datuk Madius Bin Tangau [Tuaran] akan mencadangkan:-

" Bahawa Dewan ini hendaklah membuat ketetapan supaya Kerajaan memberi contoh tauladan yang baik dalam melaksanakan Akta Kualiti Alam Sekeliling (Environmental Quality Act) 1985 dan undang-undang yang berkaitan dengan perlunya dibuat laporan EIA sebelum mana-mana projek dilaksanakan terutama sekali projek Kerajaan. "

26. PR-1133-U5808

Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan] akan mencadangkan:-

" Bahawa Dewan ini mengambil maklum bahawa peranan Persatuan Ibu Bapa dan Guru-guru (PIBG) dewasa ini semakin mencabar dan penting dalam memantapkan lagi sistem pendidikan negara.

Dan mengambil maklum bahawa skop peranan PIBG dewasa ini bukan sahaja merangkumi hal-hal yang berkaitan dengan persatuan sahaja, malah juga merangkumi hal-hal seperti mencari dana tambahan bagi membayar gaji Cikgu Tambahan.

Dan mengambil maklum bahawa kekurangan dana telah membantutkan aktiviti PIBG. "

Maka dengan ini Dewan hendaklah mengambil ketetapan untuk meminta Kerajaan agar memberikan PIBG kontrak penyelenggaraan sekolah misalnya kontrak memotong rumput dan pembersihan kawasan sekolah agar PIBG dapat mengumpul dana yang cukup bagi menampung aktiviti mereka."

27. PR-1133-U5816

Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan] akan mencadangkan:-

" Bahawa Dewan ini mengambil maklum bahawa penyertaan kaum bumiputera di Sabah dalam aktiviti perniagaan dan industri masih agak rendah berbanding dengan sasaran yang disasarkan dalam Wawasan 2020.

Dan mengambil maklum bahawa punca utama yang menyebabkan jurang ini, adalah masyarakat perniagaan dan perindustrian bumiputera di Sabah menghadapi masalah kekurangan modal dan mendapat modal. Dan mengambil maklum bahawa skim-skim mikro kredit yang disediakan oleh Kerajaan adalah sukar mereka perolehi. Maka dengan ini Dewan hendaklah mengambil ketetapan untuk meminta Kerajaan agar satu sistem kuota dibuat khas bagi masyarakat perniagaan dan perindustrian bumiputera di Sabah, agar mereka juga dapat memperoleh manfaat hasil daripada kemajuan ekonomi negara. "

28. PR-1133-U5822

Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan] akan mencadangkan:-

" Bahawa Dewan ini mengambil maklum bahawa penyertaan kaum bumiputera di Sabah dalam aktiviti perniagaan dan industri masih agak rendah berbanding dengan sasaran yang disasarkan dalam Wawasan 2020.

Dan mengambil maklum bahawa kebanyakan daripada mereka ini terlibat secara langsung dalam aktiviti yang melibatkan kontrak daripada Kerajaan.

Dan mengambil maklum bahawa dalam Rancangan Malaysia Ke-9 (RMK-9), terdapat banyak kerja-kerja pembinaan, penyelenggaraan dan juga bekalan yang telah disenaraikan. Dan mengambil maklum bahawa, dalam pengalaman yang lalu, kebanyakan kerja-kerja ini ditawarkan kepada kontraktor atau pembekal luar daripada negeri Sabah.

Maka dengan ini Dewan hendaklah mengambil ketetapan untuk meminta Kerajaan, dalam pembahagian kerja-kerja ataupun kontrak dalam RMK-9 di negeri Sabah khasnya, keutamaan haruslah diberikan kepada MPPB dari negeri Sabah. "

29. PR-1133-U6398

Tuan Eric Enchin Majimbun [Sepanggar] akan mencadangkan:-

" Bahawa Dewan ini mendesak dengan seriusnya supaya pembinaan serta pembaik pulih perhubungan Jalan-jalan Luar Bandar dan Jalan Kampung diberi perhatian khusus dalam pelaksanaannya agar penduduk-penduduk di luar bandar dan desa dapat bersama-sama menikmati kemudahan Kerajaan dan sebaliknya rakyat yang masih mundur di luar bandar sama-sama dapat mempertingkatkan hasil pertanian dan penternakan demi untuk menyahut seruan Kerajaan supaya dapat menampung keperluan pemakanan yang mencukupi. "

30. PR-1133-U6400

Tuan Eric Enchin Majimbun [Sepanggar] akan mencadangkan:-

" Bahawa Dewan ini memandang serius supaya hukuman gantung sampai mati kepada pesalah-pesalah yang telah dipenjara lebih 10 tahun untuk menunggu hukuman dilaksanakan dapat diberi keadilan dan dibebaskan dari hukuman tersebut. Pesalah-pesalah ini telahpun menjalani hukuman dan mengalami penderitaan serta keseorangan semasa dipenjara. "

31. PR-1133-U6404

Tuan Eric Enchin Majimbun [Sepanggar] akan mencadangkan:-

" Bahawa Dewan ini memandang serius kemunduran amalan adat resam, budaya dan moral di kalangan rakyat khasnya kanak-kanak dan remaja sehingga tidak lagi dikenang sebagai rakyat yang bersopan santun. Maka adalah disyorkan supaya pendidikan adat memainkan peranan penting untuk mendidik adat resam dan agama masing-masing semasa di bangku sekolah. "

32. PR-1133-U6724

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] akan mencadangkan:-

" Bahawa Dewan ini mengambil keputusan untuk membenarkan siaran langsung sidang Dewan Rakyat melalui televisyen supaya rakyat boleh menonton ucapan para Ahli Yang Berhormat dan proses Dewan Rakyat membuat keputusan terhadap dasar dan undang-undang . "

33. PR-1133-U6727

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] akan mencadangkan:-

" Bahawa Dewan ini mengambil keputusan untuk memulihkan pilihan raya Kerajaan tempatan demi menjadikan perkhidmatan Kerajaan tempatan di negara kita lebih berkesan di samping memulangkan hak kepada rakyat untuk memilih Datuk Bandar dan Ahli Majlis Kerajaan Tempatan."

34. PR-1133-U6729
Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] akan mencadangkan:-

" Bahawa Dewan ini mengambil keputusan untuk mendesak Kerajaan untuk melaksanakan kempen kitar semula dan kempen pengurangan penggunaan plastik dengan lebih gigih demi memelihara kebersihan alam sekitar. "
35. PR-1133-U6731
Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] akan mencadangkan:-

" Bahawa Dewan ini mengambil keputusan untuk mengembalikan Akta Perkhidmatan Parlimen yang telah dimansuhkan pada tahun 1993 dan mengadakan siaran langsung terhadap sidang Dewan Rakyat sebagai langkah untuk menjadikan Parlimen Malaysia sebagai Parlimen Dunia Pertama".
"
36. PR-1133-U6734
Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] akan mencadangkan:-

" Bahawa Dewan ini menyokong cadangan Suruhanjaya DiRaja Pembaikan Perjalanan dan Pengurusan PDRM dan YAB. Perdana Menteri untuk menubuhkan Suruhanjaya Bebas dan Salah Laku Polis (IPCMC)."
37. PR-1133-U6939
Dr. Tan Seng Giaw [Kepong] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini membahaskan dasar dan pelaksanaan pengangkutan awam bersepadu khasnya di Lembah Klang. Dewan juga hendak mengetahui prestasi dan kelemahan Rapid KL termasuk peristiwa 24 Julai, 2006, yang menyaksikan beribu-ribu penumpang terkandas di LRT."
38. PR-1133-U6940
Dr. Tan Seng Giaw [Kepong] akan mencadangkan:-

" Bahawa Dewan ini memperdebatkan krisis di Timur Tengah dan peranan Israel, Hizbollah, Hamas, Amerika Syarikat, Syria dan Iran. Dewan juga memperbincangkan tindakan yang diambil Malaysia sebagai Presiden OIC untuk menyelesaikan sengketa ini melalui Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu serta permasalahan berperikemanusiaan".

RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

<u>TAHUN</u> <u>2006</u>	<u>RISALAT/DOKUMEN</u>	<u>TARIKH</u> <u>DIBENTANGKAN</u>
ST.136	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Kemajuan Wilayah Kelantan Selatan (KESEDAR) Bagi Tahun 2004 (Telah Diaudit)	21 Ogos 2006
ST.180	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Universiti Utara Malaysia (UUM) Bagi Tahun 1999 (Telah Diaudit)	21 Ogos 2006
ST.181	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Universiti Utara Malaysia (UUM) Bagi Tahun 2000 (Telah Diaudit)	21 Ogos 2006
ST.182	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Universiti Utara Malaysia (UUM) Bagi Tahun 2002 (Telah Diaudit)	21 Ogos 2006
ST.194	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Universiti Utara Malaysia (UUM) Bagi Tahun 2004 (Telah Diaudit)	21 Ogos 2006
ST.205	Laporan Tahunan Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) Bagi Tahun 2004	21 Ogos 2006

KERTAS PEMBERITAHUAN

1. **Menteri Kewangan** akan mencadangkan:-

“ Bahawa Dewan ini, mengikut subseksyen 4 (3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966, memberi ketetapan bahawa jumlah wang tambahan sebanyak empat billion tiga ratus dua belas juta tiga ratus dua puluh tujuh ribu sembilan ratus sepuluh ringgit (RM4,312,327,910) diperuntukkan daripada Kumpulan Wang pembangunan bagi tahun kewangan 2006, bagi Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Pertama, 2006 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 12 Tahun 2006 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) dalam ruang ke sebelas dan ke duabelas penyata tersebut. “